

AYAT TUNGGAL

Ayat tunggal dibina oleh dua konstituen, iaitu subjek dan predikat. Ayat tunggal mempunyai dua bentuk susunan, iaitu:

- i. Susunan biasa
- ii. Susunan songsang

Susunan Biasa

Dalam susunan biasa bagi ayat tunggal, kedudukan konstituen subjeknya adalah di hadapan konstituen predikat, seperti yang terdapat dalam contoh yang berikut:

- 1. Guru itu telah memenangi hadiah pertama.
- 2. [Guru itu] + [telah memenangi hadiah pertama.]
Subjek Predikat

- 3. Kebanyakan calon peperiksaan tidak memahami soalannya.
- 4. [Kebanyakan calon peperiksaan] + [tidak memahami soalannya.]
Subjek Predikat

Susunan Songsang

Ayat tunggal dalam BM boleh terbentuk dalam susunan biasa, dan boleh juga dalam susunan songsang, melalui proses pendepenan atau penjudulan. Dalam susunan songsang, unsur-unsur dalam konstituen predikat yang biasanya hadir selepas subjek dipindahkan ke hadapan subjek. Unsur yang dikedepankan itulah yang hendak diberikan penegasan, iaitu melalui proses pendepenan. Dalam BM, terdapat sekurang-kurangnya dua proses pendepenan yang berlaku pada predikat, iaitu:

- i. Pendepenan seluruh predikat
- ii. Pendepenan sebahagian daripada predikat.

Pendepenan seluruh predikat

Contoh:

- 1. [Perangainya] + [baik sungguh.]
Subjek Predikat

- 2. [Baik sungguh] + [perangainya.]
Predikat Subjek

- 3. [Pegawai itu] + [masih belum sampai.]
Subjek Predikat

- 4. [Masih belum sampai] + [pegawai itu.]
Predikat Subjek

Pendepenan sebahagian predikat

Contoh:

5. [Kanak-kanak itu] + [berkejar-kejaran di padang.]
Subjek Predikat

6. [Berkejar-kejaran] + [kanak-kanak itu] + [di padang.]
Predikat 1 Subjek Predikat 2

7. [Mereka] + [bekerja setiap pagi.]
Subjek Predikat

8. [Bekerja] + [mereka] + [setiap pagi.]
Predikat 1 Subjek Predikat 2

Latihan

Nyatakan jenis ayat tunggal yang berikut, yakni sama ada Ayat Tunggal Biasa (ATB), Ayat Tunggal Songsang Pendepenan Seluruh Predikat(ATS Seluruh Predikat) atau Ayat Tunggal Songsang Pendepenan Sebahagian Predikat (ATS Sebahagian Predikat).

1. Sungguh malang nasibnya.
2. Orang itu tidak akan datang lagi.
3. Terkilan hati saya tadi.
4. Menangis bayi itu setiap malam.
5. Penyesalannya tidak berguna lagi.
6. Dari seberang laut agaknya surat itu.
7. Lumpuh orang tua itu dengan tiba-tiba.
8. Untuk peperiksaan akhir mahasiswa itu menelaah pelajarannya.
9. Barang-barang itu untuk ibu.
10. Belum tentu baik barang itu.
11. Anak pendeta belum tentu pandai.
12. Masih teguh lagi bangunan lama itu.
13. Di Kuala Lumpur dia sekarang.
14. Masih pada saya tiket basnya.
15. Membaca buku dia di perpustakaan.
16. Ke dalam kota pejuang-pejuang itu merempuh.
17. Pada hujung minggu ini Encik Ali akan menghadiri kursus itu.
18. Sedang sakit tenat orang muda itu.
19. Badannya lesu sepanjang masa.
20. Pernah berkunjung ke ibu kota keluarga itu.